

Antara yang nyata dan yang ghaib

Oleh **NURADLI RIDZWAN SHAH**

PADA 18 November lalu, kita dikejutkan dengan berita kehilangan sekumpulan remaja yang pergi ke sebuah villa di Danga Bay, Johor Bahru, berhadapan dengan lautan Selat Tebrau. Berita kehilangan 30 remaja kemudian dinafikan oleh pihak polis dimana bukan 30 yang hilang cuma seorang remaja sahaja yang hilang.

Sejurus berita mengenai kehilangan remaja itu disebarkan di media sosial dan media massa, pelbagai telahan dibuat oleh pelbagai pihak tidak kira di pihak awam, tabib mistik dan sebagainya. Walaubagaimanapun, remaja tersebut ditemui kembali kerana berpisah dengan rakan-rakannya dan pergi ke rumah rakan yang lain.

Ekoran kejadian ini, dapatlah disimpulkan beberapa perkara yang menarik tentang impak terhadap berita ini. Disini saya memberikan beberapa kesan daripada kejadian itu dan bukan hanya setakat ini sahaja.

Pertama sekali kita dapat melihat bahawa rakyat Malaysia amat menggemari cerita-cerita bersifat mistik atau ghaib. Ia mendapat perhatian ramai sehinggakan menjadi buah mulut setiap lapisan masyarakat malah anak saya yang berusia 7 tahun pun boleh mengetahui tentang kejadian Villa Nabila.

Ini menunjukkan bahawa alam misteri atau alam ghaib ini mendapat tempat dalam hati rakyat Malaysia mungkin kerana kita banyak disogokkan dengan cerita-cerita mistik di televisyen. Malah cerita Villa Nabila ini muncul sejurus selepas penayangan

filem Highland Towers di pawagam di seluruh Malaysia. Mungkin terlalu awal untuk disimpulkan hubungan di antara industri perfileman mistik berkait rapat atau sebaliknya dengan tindakan orang awam.

Keduanya, institusi kekeluargaan perlu ditingkatkan dengan ibu bapa perlu lebih peka tentang keberadaan anak remaja mereka terutamanya pada waktu malam. Ini untuk mengelakkan perkara-perkara buruk terjadi dan lebih malang lagi jika ibu bapa tidak mengetahui tentang aktiviti anak-anak, dengan siapa mereka bergaul dan sebagainya.

Pendekatan yang boleh digunakan adalah dengan meluangkan sedikit masa dengan anak-anak remaja ini yang memang sedang mencari identiti mereka. Jika dibimbing dengan betul mereka boleh berjaya dengan lebih cepat kerana ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan masa depan mereka.

Ketiganya, impak kisah Villa Nabila ini dapat memberi konotasi yang positif atau negatif kepada nama villa dan juga Nabila itu sendiri. Penggunaan nama villa mungkin akan dikaitkan dengan alam mistik dan pihak pemaju hotel, perumahan dan lain-lain mungkin membuat kajian penggunaan villa dalam perkhidmatn mereka sama ada akan menjejaskan jualan atau tidak. Di samping itu, nama Nabila itu sendiri akan dikaitkan dengan mistik walaupun maksud Nabila adalah mulia.

Keempatnya, harga hartanah di kawasan persekitaran villa itu mungkin akan merosot atau meningkat disebabkan berita sensasi

tersebut apabila pembeli hartanah terpengaruh untuk menjauhi hartanah yang mempunyai unsur mistik. Di sebaliknya ia mungkin juga akan meningkatkan harga hartanah di kawasan itu kerana kawasan tersebut menjadi tumpuan ramai.

Kelimanya, melihat kepada kecenderungan rakyat Malaysia kepada perkara-perkara ghaib ini memberikan gambaran bahawa rakyat Malaysia sebenarnya dahagakan ilmu spiritual dan di dalam keadaan untuk mendalami atau mempelajari ilmu ghaib ini mereka sering tersasar.

Bimbingan dalam pendidikan spiritual perlu disalurkan kepada remaja-remaja ini yang dahagakan ilmu-ilmu berkaitan alam ghaib. Inisiatif ini perlu gandingan dari pihak Kementerian Sumber Manusia, universiti tempatan dan ibu bapa secara khususnya demi kepentingan masa depan remaja remaja kita yang bakal menjadi tunggak negara suatu hari kelak.

Bajet 2014 juga ada memperuntukkan sejumlah besar peruntukan untuk meningkatkan skil remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara khususnya dan program penambahan skil dari segi rohani perlu diberi perhatian sewajarnya seperti pengajian membaca Quran bertalaqi, tafsir, dan sebagainya di samping penerapan skil-skil sedia ada untuk mengimbangkan dan mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia



ORANG ramal memenuhi kawasan villa yang usang berikutan berita di laman sosial mengenai kehilangan beberapa remaja di kawasan villa yang diberi nama Villa Nabila di Jalan Skudal, Johor Bahru, baru-baru ini.